

Bentuk dan Makna Kata Ganda Bahasa Melayu Berdasarkan Data Korpus

Zaidi Ismail^{1*}, Sharil Nizam Sha'ri¹, Adi Yasran Abdul Aziz¹ dan
Halis Azhan Mohd Hanafiah²

¹Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

²Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan bentuk dan makna kata ganda bahasa Melayu berdasarkan data korpus. Kata ganda ialah kata yang terbentuk melalui penggandaan kata dasar. Kata inilah yang dianggap sebagai kata ganda tulen. Namun, ada juga kata yang mirip dengan kata ganda tulen tetapi tidak dapat dikembalikan kepada bentuk dasar dan kata ini dianggap sebagai kata ganda semu, seperti *sia-sia*, *hati-hati*, *huru-hara*, *kucar-kacir*, dan *seolah-olah*. Bentuk inilah yang sering mengelirukan kerana mirip dengan kata ganda tulen. Oleh sebab itulah, kajian ini dilakukan untuk mencapai tiga objektif utama, iaitu (i) mengenal pasti kata ganda tulen dan kata ganda semu; (ii) menganalisis dan membandingkan kata ganda tulen dan kata ganda semu; dan (iii) merumuskan bentuk dan makna kata ganda tulen berbanding kata ganda semu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks, berpaksikan teori nahu sistemik dan analisis makna komponen oleh Omar. Sampel data kajian diambil secara persampelan bertujuan pada kata ganda tulen dan kata ganda semu dalam pangkalan data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kata ganda tulen dan kata ganda semu dapat dibahagikan kepada empat betuk utama, iaitu penuh, berentak, berimbuhan, dan separa. Contohnya, *aspek-aspek*, *mandi-mandi*, *beramai-ramai*, dan *gegelung* (kata ganda tulen); serta *anai-anai*, *serta-merta*, *kepura-puraan*, dan *peparu* (kata ganda semu). Kajian ini penting sebagai panduan kepada pengguna bahasa, khususnya penulis buku tatabahasa, dalam memahami dan mengelaskan bentuk kata ganda dengan lebih tepat.

Kata Kunci: Bentuk, kata dasar, kata ganda, makna, semu

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 02 December 2025

Accepted: 17 February 2026

Published: 27 February 2026

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.34.1.18>

E-mail addresses:

zaidi_i@dbp.gov.my (Zaidi Ismail)

sharil@upm.edu.my (Sharil Nizam Sha'ri)

adi@upm.edu.my (Adi Yasran Abdul Aziz)

halis_azhan@upm.edu.my (Halis Azhan Mohd Hanafiah)

* Corresponding author

ABSTRACT

This study examines the forms and meanings of reduplicated words in the Malay language based on corpus data. Reduplication refers to words formed through the repetition of a base

word, which are categorised as true reduplications. However, there are also words that resemble true reduplications but cannot be traced back to their original base forms. These are known as pseudo-reduplications, such as *sia-sia* (in vain), *hati-hati* (careful), *huru-hara* (chaos), *kucar-kacir* (disorder), and *seolah-olah* (as if). These forms are often confusing because of their similarity to true reduplications. Therefore, this study was conducted to achieve three main objectives: (i) to identify true and pseudo-reduplications; (ii) to analyse and compare true and pseudo-reduplications; and (iii) to summarise the forms and meanings of true reduplications in contrast to pseudo-reduplications. The study employs a qualitative approach using text analysis methods, grounded in the Systemic Grammar Theory and the Componential Meaning Analysis proposed by Omar (1993). Data samples were purposively selected from both true and pseudo-reduplications found in the *Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Corpus Database*. The findings indicate that both true and pseudo-reduplications can be classified into four main types: full, rhythmic, affixed, and partial reduplications. Examples include *aspek-aspek* (aspects), *mandi-mandi* (bathing activities), *beramai-ramai* (in groups), and *gegelung* (coil) for true reduplications; as well as *anai-anai* (termites), *serta-merta* (immediately), *kepura-puraan* (pretence), and *peparu* (lungs) for pseudo-reduplications. This study serves as an important reference for language users, particularly grammar writers, in understanding and classifying reduplicated forms in Malay more accurately.

Keywords: Form, meaning, reduplication, root word, pseudo

PENGENALAN

Kata ganda atau kata ulang merupakan bentuk kata yang terhasil melalui proses penggandaan kata dasar sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan atau tanpa perubahan bunyi tertentu. Menurut Karim et al. dalam *Tatabahasa Dewan* (2015), kata ganda dibahagikan kepada tiga bentuk utama, iaitu kata ganda penuh, separa, dan berentak.

Sementara itu, Omar (2015) memperincikan sembilan bentuk penggandaan bahasa Melayu, termasuk penggandaan seluruh kata, berirama, menyalin, bersisipan, serta bentuk berimbuhan. Selain bentuk-bentuk tersebut, Asmah turut menjelaskan kewujudan satu lagi kategori yang dinamakan kata ganda asal atau kata ganda semu, seperti *kura-*

kura, *rama-rama*, dan *biri-biri*. Bentuk ini berbeza daripada kata ganda tulen kerana unsur-unsurnya tidak dapat dikembalikan kepada kata dasar yang mempunyai makna tersendiri. Menurutnya, kata ganda asal merupakan satuan utuh yang tidak mendukung makna gandaan, sebaliknya membawa makna sebenar kata itu sahaja.

Kamus Dewan (2015) mendefinisikan perkataan *semu* sebagai “bukan yang sebenarnya” atau “pura-pura”. Berdasarkan makna ini, istilah kata ganda semu merujuk kepada bentuk gandaan yang kelihatan seperti pengulangan, tetapi bukan hasil daripada proses penggandaan kata dasar yang sebenar. Kata-kata ini hanya menyerupai bentuk kata ganda tulen secara morfologi, namun tidak berfungsi sebagai hasil proses penggandaan yang membawa maksud jamak, intensif atau berentak.

Dalam konteks ejaan semasa, Sistem Ejaan Rumi Baru (1972) menetapkan penggunaan tanda sempang (-) bagi memisahkan unsur kata ganda, kecuali bagi kata ganda separa. Walau bagaimanapun, bentuk kata ganda semu sering mengelirukan pengguna bahasa kerana bentuk luaran dan struktur penulisannya menyerupai kata ganda tulen. Contohnya *biri-biri*, *pura-pura*, dan *masing-masing* yang kelihatan seperti hasil pengulangan kata dasar, sedangkan unsur pertamanya tidak wujud sebagai kata bebas yang bermakna.

Justeru, pengenpastian yang jelas antara **kata ganda tulen** dan **kata ganda semu** amat penting dalam analisis linguistik dan pendidikan bahasa Melayu. Kajian terhadap bentuk dan fungsi kata ganda semu dapat memperkukuh pemahaman tentang sistem morfologi bahasa Melayu serta membantu memperjelas batas antara bentuk pengulangan yang sebenar dan bentuk yang hanya menyerupainya dari segi struktur.

Penyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada premis bahawa tiada “penanda khusus” yang membezakan antara kata ganda semu dengan kata ganda tulen. Kedua-dua kata tersebut sama sahaja dari segi bentuknya kerana kedua-duanya ada tanda hubung atau sempang (-) di tengah-tengahnya, seperti *biri-biri*, *agar-agar*, *kanak-kanak*, *pura-pura*, *masing-masing* dan *undang-undang* (Omar, 2015).

Akibatnya, hal ini boleh mengelirukan pengguna bahasa kerana bentuk kata ganda semu sama dengan kata ganda tulen, terutama untuk kata ganda semu yang

sama atau menyerupai kata ganda penuh. Unsur pertama kata ganda semu, *agar-agar*, *kanak-kanak*, *pura-pura*, *masing-masing* dan *undang-undang*, iaitu *agar*, *kanak*, *pura*, *masing*, dan *undang* seolah-olah menjadi kata dasarnya. Walhal, yang menjadi dasarnya ialah keseluruhan kata ganda semu itu.

Penulis buku tatabahasa seperti Karim et al. (2015), Hassan (1994), Othman (1981), dan Omar (2015) masing-masing ada pandangan yang tersendiri berkaitan dengan kata ganda. Oleh sebab itu, pengkaji tertarik untuk meneliti aspek kata ganda dengan lebih lanjut.

Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang berikut, iaitu:

- i. Mengenal pasti kata ganda tulen dan kata ganda semu bahasa Melayu;
- ii. Menganalisis kata ganda tulen dan kata ganda semu; dan
- iii. Merumuskan bentuk dan makna kata ganda tulen dan kata ganda semu.

KAJIAN LITERATUR

Kajian tentang kata ganda dalam bahasa Melayu telah diperincikan oleh beberapa sarjana utama seperti Za’ba (1941), Karim et al. (2015), Hassan (1994), Othman (1981), dan Omar (2015). Setiap tokoh memberikan pendekatan dan pengelasan tersendiri terhadap bentuk penggandaan, dengan tahap perincian dan istilah yang berbeza mengikut zaman dan kerangka linguistik masing-masing.

Za'ba (1941) merupakan pelopor yang membicarakan kata ganda secara formal dalam *Pelita Bahasa Melayu*. Beliau memperkenalkan tiga bentuk utama, iaitu *pergandaan biasa*, *pergandaan yang dipendekkan*, dan *pergandaan berubah*. Walaupun pengelasannya memberikan asas penting kepada kajian morfologi Melayu, Za'ba belum membezakan bentuk kata ganda semu secara tersendiri. Bentuk seperti *kekura* dan *kekabu* hanya dimasukkan dalam kategori pergandaan yang dipendekkan tanpa penjelasan fonologi atau leksikal mendalam.

Karim *et al.* (2015) dalam *Tatabahasa Dewan* pula menyusun penggandaan kepada tiga kategori sistematik, iaitu *penggandaan penuh*, *penggandaan separa*, dan *penggandaan berentak*. Pengelasan ini menjadi rujukan standard dalam pendidikan bahasa Melayu kerana huraian yang komprehensif meliputi bentuk dan fungsi kata ganda. Namun, *Tatabahasa Dewan* juga tidak mengkaji kata ganda semu secara khusus, menunjukkan adanya kekosongan dalam kategori leksikal yang tidak terbentuk melalui proses pengulangan biasa.

Hassan (1994) dalam *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia* pula memperkenalkan lima kategori utama, iaitu *gandaan penuh*, *separa*, *rentak*, *bersisipan*, dan *bebas*. Pendekatan ini bersifat inklusif kerana menggabungkan pelbagai variasi yang tidak diuraikan oleh sarjana sebelumnya, termasuk bentuk seperti *jari-jemari* dan *tali-temali*. Walau bagaimanapun, Abdullah juga tidak menempatkan kata ganda semu sebagai

kategori khas, meskipun bentuk tersebut sebahagiannya boleh dimasukkan ke dalam kategori *gandaan bebas*. Othman (1981) dalam *Tatabahasa Bahasa Malaysia* pula mengambil pendekatan paling ringkas dengan membahagikan kata ganda kepada dua kategori utama sahaja, iaitu *penggandaan tulen* dan *penggandaan berentak*. Pendekatan ini mudah dan sesuai untuk tujuan pedagogi, namun terlalu umum untuk menjelaskan bentuk yang kompleks seperti kata ganda semu.

Berbeza dengan Za'ba (1941), Karim *et al.* (2015), Hassan (1994), Othman (1981), dan Omar (2015) melalui *Nahu Melayu Mutakhir* memperluas klasifikasi kepada sepuluh kategori, termasuk memperkenalkan konsep *kata ganda asal atau semu* seperti *biri-biri*, *agar-agar*, dan *pura-pura*. Beliau menegaskan bahawa kata ganda semu ialah bentuk leksikal tetap yang tidak terhasil melalui proses morfologi produktif. Kata ganda semu sering menimbulkan kekeliruan dalam pengelasan morfologi bahasa Melayu kerana bentuknya menyerupai kata ganda tulen, namun tidak terbentuk melalui proses pengulangan produktif. Menurut Omar (2015) dalam *Nahu Melayu Mutakhir*, kata ganda semu ialah bentuk yang menyerupai pola penggandaan tetapi hanya wujud dalam bentuk berganda. Bentuk ini berfungsi dalam sistem leksikal bahasa Melayu dan boleh hadir dalam pelbagai kelas kata, termasuk kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata adverba. Walau bagaimanapun, penjelasan Asmah lebih bersifat deskriptif dan tidak memperincikan aspek morfologi serta fonologi yang menjelaskan mekanisme kemunculan bentuk semu tersebut.

Kajian Ahmad (2000) melalui disertasi bertajuk *Pengendalian Kata Ganda dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia: Suatu Kajian Perbandingan* turut mengiktiraf kewujudan lima jenis kata ganda dalam bahasa Melayu, termasuk kategori semu seperti *rama-rama*, *kanak-kanak*, dan *kura-kura*. Menurut beliau, bentuk ini tidak mempunyai kata dasar yang bermakna secara bebas dan hanya membawa makna apabila digandakan. Kajian Ibrahim memberi sumbangan penting dari segi leksikografi, namun fokusnya lebih kepada pendekatan kamus dan fungsi penggunaan, bukan kepada struktur linguistik dalaman bentuk semu. Selain itu, terdapat kecenderungan untuk mengelirukan antara bentuk kata ganda penuh dan semu, menunjukkan keperluan penjelasan morfologi yang lebih sistematik.

Lai Foon dan Raja Ariffin (2021) dalam *Petunjuk Bahasa* pula menghuraikan kata ganda semu secara terperinci dari aspek makna dan fungsi. Mereka mentakrifkan kata ganda semu sebagai bentuk yang kelihatan seperti hasil penggandaan penuh, namun kata dasarnya tidak bermakna atau membawa makna yang berbeza daripada bentuk gandaan, seperti *kanak-kanak* dan *kura-kura*. Bentuk ini dianggap sebagai unit makna idiomatik yang stabil dan memainkan peranan penting dalam memperkayakan ekspresiviti bahasa. Huraian mereka memperkukuh pemahaman bahawa kata ganda semu bukan sekadar fenomena morfologi, tetapi juga berkait rapat dengan aspek semantik dan gaya bahasa.

Kasdan et al. (2017) dalam kajian bertajuk *Ganda Separa dalam Terminologi*

Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi mengaitkan fenomena kata ganda semu dengan perkembangan istilah moden. Menurut mereka, bentuk seperti *kura-kura* dan *labi-labi* berpotensi menjadi asas pembentukan istilah baharu yang berunsur separa ganda, misalnya *kekura* dan *lelabi*. Hal ini menunjukkan bahawa kata ganda semu bukan sahaja fenomena leksikal semula jadi, tetapi turut menyumbang kepada peluasan bidang istilah dan penciptaan kosa kata baharu dalam konteks ilmiah dan teknikal.

Dari sudut fonologi, Yin (2025) melalui disertasi *Kata Ganda Semu dalam Fonologi Generatif Melayu* menjelaskan fenomena ini dalam kerangka *Optimality Theory (OT)*. Beliau berhujah bahawa kata ganda semu bukan hasil penggandaan produktif, sebaliknya bentuk yang dikekalkan kerana memenuhi kehendak keseimbangan fonologi dan ritma suku kata. Contohnya, bentuk seperti *renyai-renyai* dan *sepoi-sepoi* menunjukkan keharmonian vokal serta keseimbangan pola suku kata (KVKKVV–KVKKVV). Analisis ini penting kerana buat pertama kali fenomena kata ganda semu diuraikan secara teori melalui pendekatan fonologi generatif, bukan sekadar deskriptif.

Hwa (2023) dalam *Klasifikasi Tipologi Kata Ganda Semu dalam Bahasa Melayu Moden* memberi perhatian terhadap aspek tipologi dan klasifikasi berdasarkan keserupaan bunyi serta struktur morfem. Beliau menegaskan bahawa kekaburan definisi kata ganda semu dalam literatur menyebabkan ketidakselarasan dalam kamus dan bahan pengajaran bahasa. Oleh itu, beliau mencadangkan sistem klasifikasi

baharu yang lebih teratur bagi membezakan antara bentuk semu, penuh, dan berentak. Sementara itu, Yusof (2024) dalam *Analisis Multidimensi Kata Ganda Semu dalam Bahasa Melayu: Morfologi, Fonologi dan Semantik* menggabungkan pelbagai pendekatan analisis untuk menjelaskan interaksi antara bentuk, bunyi, dan makna. Kajian beliau menegaskan keperluan pendekatan bersepadu berasaskan data korpus bagi memahami fungsi sebenar kata ganda semu dalam wacana moden.

Dalam konteks dialektologi, Hassan (2012) melalui kajian *Kata Ganda Semu dalam Dialek Sarawak* menunjukkan bahawa fenomena ini turut tersebar luas dalam dialek Melayu. Berdasarkan data lapangan daripada penutur asli, beliau mengenal pasti bentuk seperti *ane-ane*, *obor-obor*, *usei-usei*, dan *kojoi-kojoi* yang berfungsi dalam pelbagai kelas kata. Dapatan ini menunjukkan bahawa kata ganda semu merupakan fenomena aktif dalam sistem leksikal dialek Melayu dan bukan unsur periferal dalam bahasa baku.

Fenomena serupa juga ditemui dalam bahasa Indonesia. Badudu (1984) dan Alwi (2003) mengenal pasti bentuk seperti *kupu-kupu*, *agar-agar*, *hati-hati*, dan *tiba-tiba* sebagai kata ganda semu yang berfungsi secara idiomatik. Menurut Alamsyah (2015), bentuk ini telah mengalami proses leksikalisasi makna, manakala Masfufah (2020) mendapati bahawa dalam wacana moden dan media, kata ganda semu sering digunakan untuk kesan stilistik dan retorik. Namun, kajian bahasa Indonesia masih terhad dari segi penggunaan data korpus dan pendekatan teori fonologi moden.

Secara keseluruhannya, perkembangan penyelidikan menunjukkan bahawa fenomena kata ganda semu telah berkembang daripada huraian deskriptif kepada analisis teori dan fonologi yang lebih sistematik. Walaupun pelbagai pendekatan telah diterapkan, integrasi antara aspek morfologi, fonologi, semantik, dan pragmatik masih diperlukan untuk membina model linguistik yang komprehensif tentang status dan fungsi kata ganda semu dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia kontemporari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memanfaatkan data-data korpus yang terdapat dalam pangkalan data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Korpus DBP). Korpus tersebut merupakan korpus digital daripada buku, akhbar dan majalah. Daripada pangkalan data itulah data-data kata ganda telah dikumpulkan untuk dijadikan bahan analisis dalam kajian ini. Data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data kata ganda tulen dan kata ganda semu yang dikumpulkan daripada bahan kajian yang bersumberkan buku dan majalah tahun 2005 hingga 2022 yang terdapat dalam pangkalan data Korpus DBP.

Bagi melaksanakan kajian ini dengan efektif, usaha ini bermula daripada tahap mengenal pasti masalah kajian dan persoalan kajian. Setelah itu, barulah dilakukan kajian deskriptif untuk mendapatkan data-data awal yang terdiri daripada kata ganda (kata ganda tulen dan kata ganda semu). Setelah data-data awal terkumpul, data tersebut dianalisis dan dikelompokkan mengikut kelompok tertentu yang telah ditetapkan,

iaitu bentuk-bentuk kata ganda tulen dan kata ganda semu.

Setelah data kata ganda tulen dan kata ganda semu selesai dikelompokkan mengikut bentuknya, data-data tersebut sekali lagi dianalisis untuk ditentukan makna setiap kata ganda semu bahasa Melayu. Setelah itu, barulah dibuat perbandingan dan kesimpulan dapatan. Untuk kajian ini, data-data kata ganda tulen dan kata ganda semu akan dijelaskan ciri-ciri khusus dan proses pembentuknya. Seterusnya, kata tersebut dibandingkan antara kata ganda tulen dengan kata ganda semu untuk melihat persamaan dan perbezaannya. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis komponen kata yang membentuk sesuatu kata ganda itu. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan Karim et al. (2015) dalam *Tatabahasa Dewan* dan Omar (2015) dalam *Nahu Melayu Mutakhir*.

Persampelan

Sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah sampel yang terdiri daripada sebahagian kecil data yang dipilih daripada Korpus DBP dengan menumpukan pada bentuk kata ganda. Pemilihan ini dibuat secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kriteria tertentu, iaitu kata ganda tulen dan kata ganda semu yang dikenal pasti melalui ciri-ciri morfologi. Data sampel inilah yang kemudiannya dikumpulkan untuk dijadikan bahan analisis terperinci.

Dalam kajian ini, data yang digunakan merupakan data kata ganda tulen dan kata ganda semu yang dikumpulkan daripada

bahan kajian yang bersumberkan buku dan majalah tahun 2005 hingga 2022 yang terdapat dalam pangkalan data Korpus DBP. Secara keseluruhannya, untuk artikel ini, pengkaji menggunakan sebanyak 74 data (37 X 2) yang diambil daripada **480 data** lengkap (data asal yang digunakan dalam tesis yang mengandungi kata dan ayat serta sumber data) yang bersumberkan Korpus DBP. Ayat contoh yang digunakan dalam arikel ini diambil dari buku dan majalah dalam Korpus DBP.

Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, data dikumpul secara sistematik dan berasaskan pendekatan kualitatif deskriptif yang menggunakan kaedah analisis kandungan linguistik dan analisis makna komponen terhadap data yang diperoleh daripada Korpus DBP. Data utama kajian terdiri daripada bentuk kata ganda dalam bahasa Melayu yang dikenal pasti melalui pengekstrakan data korpus secara dalam talian. Proses menganalisis data dilakukan dalam tiga peringkat utama, iaitu:

- i. **Peringkat Pengenalpastian** - Pada peringkat awal, semua entri yang menunjukkan bentuk kata ganda dikenal pasti daripada korpus dengan menggunakan kata kunci seperti kata ganda yang tertera dua kali (contoh: *rumah-rumah*, *kucar-kacir*); kata yang disaring mengikut padanan bentuk dan fungsi; dan gabungan bentuk kata yang lazim diklasifikasikan sebagai ganda tulen atau semu.

Kriteria pengenalpastian termasuk struktur bentuk, konteks penggunaan, dan padanan dalam sumber rujukan tatabahasa seperti Karim et al. (2015) dalam *Tatabahasa Dewan* dan Omar (2015) dalam *Nahu Melayu Mutakhi*.

ii. Peringkat Pengelasan dan Pengkategorian -

Setelah kata ganda dikenal pasti, bentuk tersebut diklasifikasikan kepada dua kategori utama berdasarkan ciri morfologi dan semantik, iaitu kata ganda tulen dan kata ganda semu. Kata ganda tulen ialah kata yang dihasilkan oleh penggandaan penuh kata dasar yang dapat dikembalikan kepada bentuk asal, seperti *buku-buku* dan *pelajar-pelajar*. Kata ganda semu pula ialah bentuk kata ganda yang tidak dapat dikembalikan kepada satu kata dasar dengan jelas, contohnya *kucar-kacir*, *sia-sia*, dan *bertalu-talu*. Pengkategorian ini dibuat dengan merujuk prinsip penggandaan dalam Karim et al. (2015) dalam *Tatabahasa Dewan* dan Omar (2015) dalam *Nahu Melayu Mutakhi* serta makna leksikal yang dibincangkan dalam teori makna komponen.

iii. Peringkat Analisis dan Penafsiran

- Analisis dijalankan dengan menggunakan dua kaedah utama, iaitu analisis kandungan linguistik dan analisis makna komponen. Analisis kandungan linguistik ialah analisis untuk mengkaji aspek bentuk, struktur morfologi, dan jenis penggandaan. Teknik ini melibatkan pemerhatian terhadap pola

pembentukan kata ganda dan hubung kaitnya dengan sistem morfologi bahasa Melayu. Analisis makna komponen pula diterapkan berdasarkan pendekatan yang dicadangkan oleh Omar (2011), iaitu menganalisis unit-unit makna dalam kata ganda untuk memahami perbezaan semantik antara ganda tulen dengan kata ganda semu. Ini termasuk kajian terhadap dimensi makna seperti intensiti, kekerapan, kekaburan, dan retorik.

Penafsiran data dibuat dengan membandingkan bentuk kata ganda berdasarkan konteks penggunaan sebenar dalam teks korpus, seterusnya merumuskan prinsip umum tentang takrif dan struktur kata ganda dalam bahasa Melayu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada kajian ini, pengkaji menemukan dua jenis utama kata ganda dalam bahasa Melayu, iaitu kata ganda tulen dan kata ganda semu. Kata ganda tulen itu pula secara keseluruhannya, ada empat bentuk utamanya, iaitu kata ganda tulen penuh, kata ganda tulen berentak, kata ganda tulen berimbuhan, dan kata ganda tulen separa.

Daripada empat bentuk utama itu, kata ganda semu juga ada yang bentuknya menyerupai kata ganda tulen, iaitu bentuk kata ganda semu penuh (semu biasa), kata ganda semu berentak, kata ganda semu berimbuhan (termasuk semu berimbuhan jati) dan kata ganda semu separa.

Kata Ganda Tulen Penuh dan Kata Ganda Semu Penuh

Kata ganda tulen penuh, bentuknya sangat mirip dengan kata ganda semu penuh (semu biasa). Walau bagaimanapun, sekiranya difahami, ada ciri utama yang membezakannya, iaitu dari segi pembentukannya.

Kata ganda tulen penuh ialah kata ganda yang terbentuk daripada penggandaan keseluruhan kata dasar. Kata dasar boleh terdiri daripada kata tunggal, kata berimbuhan, atau kata majmuk. Apabila dipisahkan, setiap unsur dapat berdiri sendiri dan unsur pertamanya merupakan kata dasar untuk kata ganda tersebut. Rumus pembentukannya adalah seperti Jadual 1.

kata dasar -> kata dasar + kata dasar = kata ganda tulen penuh

aspek -> aspek + aspek = aspek-aspek

Hal ini berbeza dengan kata ganda semu. Kedua-dua unsur yang membentuknya merupakan kata dasar untuk kata ganda tersebut. Apabila dipisahkan, kata tersebut tidak ada makna atau berlainan sama sekali

maknanya dengan kata dasar tersebut. Misalnya kata *hati-hati*, yang bermaksud sifat atau perasaan dan tidak sama dengan kata *hati* sekiranya dipisah kerana kata *hati* bermaksud organ dalam badan.

Proses pembentukan kata ganda semu ini dapatlah dianggap terhasil daripada gabungan sebahagian kata (1/2 kata) dengan sebahagian kata (1/2 kata) lagi, dan terbentuklah satu kata ganda semu yang kelihatan seperti kata ganda tulen penuh. Rumus pembentukannya:

$\frac{1}{2} + \frac{1}{2} = 1$ (kata ganda semu penuh)

sebahagian kata + sebahagian kata = kata ganda semu penuh

rama + rama = rama-rama

Contoh data yang ditemukan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

Contoh penggunaan kata tersebut dalam ayat yang bersumberkan buku dan majalah:

Kata Ganda Tulen Penuh

1a. **Aspek-aspek** kebudayaan Melayu diperincikan dengan jelas dalam kajian

Jadual 1
Kata ganda tulen penuh dan kata ganda semu penuh

Kata Ganda Tulen Penuh				Kata Ganda Semu Penuh			
No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna	No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna
1.	aspek	aspek-aspek	banyak (objek)	4.	kupu-kupu	kupu-kupu	asal/nama
2.	pelajar	pelajar-pelajar	banyak (objek)	5.	sia-sia	sia-sia	asal/sifat
3.	kakitangan	kakitangan-kakitangan	banyak (objek)	6.	hati-hati	hati-hati	asal/sifat

ini. (*Asas Kebudayaan Melayu*, DBP 2010)

- 1b. Artikel ini membincangkan **aspek-aspek** gaya hidup sihat. (*Dewan Masyarakat*, 2018)
- 2a. **Pelajar-pelajar** itu diberi penerangan tentang teknik penulisan karangan. (*Pedagogi Bahasa Melayu*, DBP 2015)
- 2b. **Pelajar-pelajar** sekolah menengah diraikan dalam program motivasi. (*Dewan Siswa*, 2018)
- 3a. **Kakitangan-kakitangan** kerajaan diberi latihan intensif. *Pengurusan Sumber Manusia* (DBP, 2011)
- 3b. **Kakitangan-kakitangan** universiti mengadakan mesyuarat persediaan. *Dewan Ekonomi*, Ogos 2017

Kata Ganda Semu Penuh

- 4a. **Kupu-kupu** itu berwarna-warni di taman bunga. *Tatabahasa Dewan* (DBP, 2015)
- 4b. **Kupu-kupu** sering dijadikan simbol keceriaan dalam karya seni. *Dewan Bahasa*, Julai 2018
- 5a. Segala usahanya **sia-sia** kerana tidak mendapat sokongan.” *Tatabahasa Dewan* (DBP, 2015)
- 5b. Segala usaha tanpa perancangan hanya akan menjadi **sia-sia**. *Dewan Bahasa*, Disember 2017
- 6a. Kita mestilah **hati-hati** dalam memilih perkataan agar tidak menimbulkan salah tafsir makna. *Tatabahasa Dewan* (DBP, 2015)

- 6b. Pembaca diseru agar **hati-hati** ketika menilai maklumat dalam majalah atau media sosial supaya tidak terpengaruh dengan berita palsu. *Dewan Bahasa*, Julai 2020

Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara **kata ganda tulen penuh** dengan **kata ganda** semu penuh dari segi bentuk dan makna yang dihasilkan. Dari aspek **bentuk**, kedua-dua jenis kata ini sama-sama memperlihatkan pengulangan keseluruhan unsur kata dengan penggunaan tanda sempang (-) di antara dua unsur gandaan. Namun begitu, perbezaannya dapat dilihat pada **sumber pembentukannya**.

Kata ganda tulen penuh seperti *aspek-aspek*, *pelajar-pelajar*, dan *kakitangan-kakitangan* terbentuk hasil daripada proses pengulangan kata dasar yang wujud dan bermakna secara bebas. Unsur gandaan ini berfungsi menandakan makna jamak atau banyak, iaitu bilangan yang lebih daripada satu. Dalam hal ini, makna gandaan mempunyai hubungan langsung dengan kata dasarnya.

Sebaliknya, kata ganda semu penuh seperti *kupu-kupu*, *sia-sia*, dan *hati-hati* tidak terbentuk melalui proses penggandaan kata dasar yang bermakna. Unsur pertama dalam bentuk ini tidak mempunyai makna bebas atau tidak dapat berdiri sendiri sebagai kata dasar. Dari segi **makna**, kata ganda semu penuh bukan membawa maksud jamak, tetapi makna asalnya menunjukkan nama sesuatu benda atau makna sifat dan keadaan, seperti *kupu-kupu* (nama haiwan), *sia-sia* (keadaan atau sifat yang tidak berguna), dan *hati-hati* (sifat berhati atau berwaspada).

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kata ganda tulen penuh ialah bentuk gandaan sebenar yang menunjukkan makna jamak atau pengulangan benda yang sama, manakala kata ganda semu penuh pula hanyalah bentuk gandaan yang tetap dan tidak menandakan makna jamak, sebaliknya membawa makna asal yang bersifat tetap sama ada sebagai nama, sifat, atau keadaan.

Kata Ganda Tulen Berentak dan Kata Ganda Semu Berentak

Kata ganda tulen berentak ialah kata ganda yang terbentuk hasil daripada penggandaan kata dasar. Kata dasar yang digandakan itu, mengalami perubahan pada unsur yang digandakan, atau unsur yang hanya sebahagian yang digandakan, baik vokal atau konsonan). Hasil daripada penggandaan itu ialah kata ganda tulen berentak. Kata ganda tulen berentak ini pula ada tiga jenis, iaitu penggandaan berentak perubahan vokal, penggandaan berentak perubahan konsonan, atau penggandaan berentak bebas. Rumus pembentukannya:

kata dasar -> kata dasar + ulang konsonan/vokal = kata ganda tulen berentak

mandi -> mandi + mada = mandi-manda (perubahan vokal/ulang konsonan)

kuih -> kuih + muih = kuih-muih (perubahan konsonan/ulang vokal)

segar -> segar + bugar= segar-bugar (berentak bebas)

Kata ganda tulen berentak ini juga bentuknya mirip dengan kata ganda semu berentak. Walau bagaimanapun untuk kata ganda semu berentak, tidak mempunyai kata dasar secara tersendiri sebagaimana kata ganda tulen berentak yang ada kata dasarnya. Kedua-dua unsur itulah kata dasarnya. Contoh data yang ditemukan dalam kajian ini adalah seperti Jadual 2.

Contoh penggunaan kata tersebut dalam ayat yang bersumberkan buku dan majalah:

Jadual 2
Kata ganda tulen berentak dan kata ganda semu berentak

Kata Ganda Tulen Berentak				Kata Ganda Semu Berentak			
No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna	No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna
7.	mandi	mandi-manda	berulang-ulang (perbuatan)	13.	huru-hara	huru-hara	asal/sifat
8.	warna	warna-warni	banyak (objek)	14.	kucar-kacir	kucar-kacir	asal/sifat
9.	kuih	kuih-muih	banyak/macam-macam (objek)	15.	porak-peranda	porak-peranda	asal/sifat
10.	balik	bolak-balik	berulang-ulang (perbuatan)	16.	selok-belok	selok-belok	asal/sifat
11.	baki	saki-baki	banyak (objek)	17.	serta-merta	serta-merta	asal/sifat
12.	segar	segar-bugar	sangat (situasi)	18.	mundar-mandir	mundar-mandir	asal/kerja

Kata Ganda Tulen Berentak

- 7a. Kanak-kanak **mandi-manda** di sungai pada waktu petang. *Geografi Alam Sekitar* (DBP, 2013)
- 7b. Tempat peranginan itu terkenal sebagai lokasi **mandi-manda** keluarga. *Dewan Pelancongan*, September 2018
- 8a. Corak batik itu memaparkan motif bunga yang **warna-warni**. *Seni Tekstil Melayu* (DBP, 2014)
- 8b. Pameran tersebut menampilkan hiasan **warna-warni** yang menarik. *Dewan Budaya*, Julai 2017
- 9a. **Kuih-muih** tradisional dijual semasa bulan Ramadan. *Warisan Makanan Melayu* (DBP, 2013)
- 9b. Pameran itu memperkenalkan **kuih-muih** tempatan. *Dewan Budaya*, Oktober 2017
- 10a. Kereta api itu **bolak-balik** dari bandar ke pinggir kota setiap hari. *Pengangkutan Awam Malaysia* (DBP, 2014)
- 10b. Cerpen itu menggambarkan watak utama **bolak-balik** ke hospital menjaga ibunya. *Dewan Sastera*, April 2017
- 11a. **Saki-baki** makanan itu dibuang ke dalam tong sampah." *Tatabahasa Dewan* (DBP, 2015)
- 11b. Artikel tersebut meneliti **saki-baki** peninggalan sejarah di Melaka." *Dewan Sejarah*, Mei 2017
- 12a. Pokok-pokok di taman itu kelihatan **segar-bugar** selepas hujan. *Botani Tropika* (DBP, 2012)

- 12b. Puisi tersebut melukiskan sawah padi yang **segar-bugar** menghijau. *Dewan Sastera*, Mei 2016

Kata Ganda Semu Berentak

- 13a. Kota itu menjadi **huru-hara** akibat serangan musuh. *Sejarah Asia Tenggara* (DBP, 2010)
- 13b. Cerpen tersebut menggambarkan suasana **huru-hara** selepas rusuhan. *Dewan Sastera*, Jun 2016
- 14a. Pasukan itu **kucar-kacir** kerana kurang perancangan. *Strategi Kepimpinan* (DBP, 2012)
- 14b. Rencana majalah itu menyentuh keadaan ekonomi yang **kucar-kacir**. *Dewan Ekonomi*, Oktober 2017
- 15a. Kehidupan mereka **porak-peranda** selepas bencana alam. *Psikologi Bencana* (DBP, 2014)
- 15b. Novel itu menampilkan watak keluarga yang **porak-peranda** akibat konflik. *Dewan Sastera*, Mac 2016
- 16a. Pelajar perlu memahami **selok-belok** sistem pendidikan negara. *Tatabahasa Dewan* (DBP, 2015)
- 16b. Artikel itu menjelaskan **selok-belok** kehidupan pelaut tradisional. *Dewan Budaya*, Ogos 2017
- 17a. Arahan itu perlu dilaksanakan **serta-merta** tanpa penangguhan. *Pentadbiran Awam Malaysia* (DBP, 2011)
- 17b. Rencana tersebut menekankan pentingnya tindakan **serta-merta** dalam isu alam sekitar. *Dewan Kosmik*, April 2016

- 18a. Dia **mundar-mandir** di ruang tamu kerana gelisah. *Psikologi Remaja* (DBP, 2013)
- 18b. Cerpen itu menggambarkan seorang ayah **mundar-mandir** menunggu kelahiran anaknya. *Dewan Sastera*, Februari 2018

Jadual 2 memperlihatkan perbezaan antara kata ganda tulen berentak dengan kata ganda semu berentak dari segi bentuk pembentukan dan fungsi makna. Dari segi bentuk, kedua-dua jenis kata ini mempunyai pola pengulangan yang disertai perubahan bunyi tertentu, sama ada pada vokal atau konsonan, sehingga menghasilkan kesan irama atau rentak yang seimbang antara dua unsurnya.

Kata ganda tulen berentak seperti *mandi-manda*, *warna-warni*, *kuih-muih*, *bolak-balik*, *saki-baki*, dan *segar-bugar* terbentuk hasil pengulangan kata dasar yang mengalami sedikit perubahan bunyi bagi menghasilkan irama atau keseimbangan fonologi. Bentuk-bentuk ini tetap mempunyai kata dasar yang jelas dan bermakna, manakala penggandaan berentak memberikan makna tambahan seperti banyak, pelbagai, atau berulang-ulang. Contohnya, *warna-warni* membawa maksud “banyak warna”, *kuih-muih* bermakna “pelbagai kuih”, dan *mandi-manda* bermaksud “bermain air secara berulang-ulang”. Ini menunjukkan bahawa kata ganda berentak tulen masih mengekalkan hubungan makna dengan kata dasarnya.

Sebaliknya, kata ganda semu berentak seperti *huru-hara*, *kucar-kacir*, *porak-*

peranda, *selok-belok*, *serta-merta*, dan *mundar-mandir* dikategorikan sebagai kata ganda semu berentak yang membawa makna perbuatan atau tindakan berulang-alik tanpa tujuan tertentu, bukan hasil daripada proses pengulangan kata dasar yang bermakna, sebaliknya merupakan bentuk tetap dan tidak boleh dikembalikan kepada unsur bebas yang bermakna. Dari aspek makna, kata ganda semu berentak tidak menunjukkan makna jamak atau berulang, tetapi membawa makna sifat, keadaan atau perbuatan tertentu, seperti *huru-hara* (keadaan kacau-bilau), *kucar-kacir* (tidak teratur), *porak-peranda* (rosak atau hancur), *selok-belok* (ada hubungannya dengan yang lain), *serta-merta* (segera atau spontan), dan *mundar-mandir* (perbuatan atau tindakan tanpa tujuan tertentu).

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kata ganda tulen berentak berfungsi untuk menambah intensiti makna atau menunjukkan kepelbagaian sesuatu perkara melalui perubahan bunyi yang berirama, manakala kata ganda semu berentak pula berfungsi sebagai satuan leksikal tetap yang tidak menunjukkan makna gandaan, sebaliknya membawa makna sifat, keadaan, atau perbuatan yang tetap dan tidak berubah.

Kata Ganda Tulen Berimbuhan dan Kata Ganda Semu Berimbuhan

Kata ganda tulen berimbuhan ialah kata ganda yang mempunyai satu imbuhan, baik awalan, akhiran, sisipan, mahupun apitan. Bentuknya berbeza dengan kata ganda tulen penuh yang terbentuk daripada kata berimbuhan kerana kata ganda ini wujud

daripada kata berimbuhan yang sama dalam kedua-dua unsurnya (tiap-tiap unsur ada imbuhan yang sama), baik awalan, akhiran, sisipan, mahupun apitan.

Proses pembentukan kata ganda tulen berimbuhan bermula daripada kata dasar yang berupa kata tunggal. Kata dasar ini kemudiannya digandakan secara keseluruhan, dan unsur pertamanya akan menerima imbuhan, baik awalan, akhiran, sisipan, mahupun apitan. Rumus pembentukannya:

kata dasar -> (imbuhan + kata dasar) + kata dasar = kata ganda tulen berimbuhan

kerut -> (ber + kerut) + kerut = *berkerut-kerut* (kata ganda tulen berawalan)

bunyi -> bunyi + (bunyi + *an*) = bunyi-bunyian (kata ganda tulen berakhiran)

tali -> tali + (tali + *em*) = tali-temali (kata ganda tulen bersisipan)

malu -> (malu + malu) + *ke-...-an* = kemalu-maluan (kata ganda tulen berapitan)

Kata ganda tulen berimbuhan ini bentuknya mirip dengan kata ganda semu berimbuhan. Kata ganda semu berimbuhan ini pula ada dua bentuk, iaitu kata ganda semu yang berkombinasi dengan imbuhan dan kata ganda semu berimbuhan jati atau asal. Kata ganda semu penuh (semu biasa) dan semu berentak boleh menerima imbuhan.

Kata ganda ini berasal daripada kata ganda semu penuh atau kata ganda semu berentak, setelah itu barulah menerima

imbuhan dan imbuhan yang diterima itu merupakan apitan. Kata ini sekali imbas kelihatan seperti kata ganda tulen penuh berimbuhan. Rumus pembentukannya:

kata ganda semu (semu penul/berentak) + apitan = kata ganda berapitan

(sia + sia) + meN-...-kan = mensia-siakan
(semu penuh berapitan)

(huru + hara) + meN-...-kan = menghuru-harakan (semu berentak berapitan)

Kata ganda semu berimbuhan jati pula bentuknya tidak boleh dipisahkan sama sekali. Unsur pertama kata ganda semu tersebut merupakan bentuk imbuhan yang telah bercantum secara asal atau semulajadi bersama-sama kata yang mengikutinya. Rumus pembentukannya:

(sebahagian kata + sebahagian kata) = kata ganda semu beimbuhan jati

seolah + olah = seolah-olah

terbahak + bahak = terbahak-bahak

Contoh data yang ditemukan dalam kajian ini adalah seperti Jadual 3.

Contoh penggunaan kata tersebut dalam ayat yang bersumberkan buku dan majalah:

Kata Ganda Tulen Berimbuhan

19a. Mukanya **berkerut-kerut** menahan kesakitan. *Psikologi Klinikal* (DBP, 2012)

Jadual 3
Kata ganda tulen berimbuhan serta kata ganda semu berimbuhan dan kata ganda semu berimbuhan jati

Kata Ganda Tulen Berimbuhan				Kata Ganda Semu Berimbuhan			
No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna	No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna
19.	kerut	berkerut-kerut	sangat (situasi)	25.	sia-sia	mensia-siakan	asal/sifat
20.	ramai	beramai-ramai	sangat (situasi)	26.	huru-hara	menghuru-harakan	asal/sifat
21.	bunyi	bunyi-bunyian	banyak/berulang (situasi)	Kata Ganda Semu Berimbuhan Jati			
22.	tali	tali-temali	banyak (objek)	27.	seolah-olah	seolah-olah	asal/sifat
23.	gilang	gilang-gemilang	sangat (situasi)	28.	terbahak-bahak	terbaha-bahak	asal/kerja
24.	malu	kemalu-maluan	agak (situasi)	29.	terkekeh-kekeh	terkekeh-kekeh	asal/kerja

- 19b. Cerpen itu menggambarkan wajah tua yang **berkerut-kerut** penuh pengalaman. *Dewan Sastera*, Julai 2016

20a. Penduduk kampung bergotong-royong **beramai-ramai** membina surau. *Budaya Gotong-Royong* (DBP, 2011)

20b. Pelajar **beramai-ramai** menyertai perarakan sambutan kemerdekaan. *Dewan Pelajar*, September 2017

21a. Upacara itu diiringi dengan **bunyi-bunyian** tradisional. *Warisan Muzik Melayu* (DBP, 2011)

21b. Artikel tersebut meneliti penggunaan **bunyi-bunyian** dalam teater moden. *Dewan Budaya*, Ogos 2017

22a. Ilmu **tali-temali** sangat penting dalam bidang pelayaran. *Ilmu Kelautan* (DBP, 2011)
- 22b. Artikel itu membincangkan kegunaan **tali-temali** dalam aktiviti rekreasi luar. *Dewan Kosmik*, Ogos 2016

23a. Majlis konvokesyen itu berlangsung dengan **gilang-gemilang**. *Sejarah Universiti Tempatan* (DBP, 2013)

23b. Rencana tersebut melaporkan sambutan **gilang-gemilang** ulang tahun kemerdekaan. *Dewan Budaya*, September 2017

24a. Gadis itu tersenyum dengan **kemalu-maluan**. *Psikologi Remaja* (DBP, 2012)

24b. Cerpen tersebut menggambarkan watak utama yang penuh **kemalu-maluan**. *Dewan Sastera*, Februari 2016

Kata Ganda Semu Berimbuhan

25a. Janganlah kita **mensia-siakan** peluang yang ada. *Motivasi Diri* (DBP, 2013)

- 25b. Artikel itu menegur sikap masyarakat yang **mensia-siakan** masa. *Dewan Masyarakat*, Jun 2017
- 26a. **Kepura-puraan** hanya akan merosakkan hubungan persahabatan. *Psikologi Sosial* (DBP, 2011)
- 26b. Cerpen itu mengkritik watak yang penuh dengan **kepura-puraan**. *Dewan Sastera*, Januari 2016

Kata Ganda Semu Berimbuhan Jati

- 27a. Dia berdiam diri **seolah-olah** tidak tahu apa-apa. *Psikologi Sosial* (DBP, 2010)
- 27b. Cerpen itu menggambarkan suasana kampung **seolah-olah** hidup kembali. *Dewan Sastera*, Mac 2017
- 28a. Mereka ketawa **terbahak-bahak** mendengar cerita lucu itu. *Bahasa dan Humor* (DBP, 2012)
- 28b. Artikel itu menyebut pelawak yang ketawa **terbahak-bahak** di pentas. *Dewan Budaya*, Mei 2016
- 29a. Kanak-kanak itu ketawa **terkekeh-kekeh** melihat gelagat badut. *Psikologi Kanak-Kanak* (DBP, 2013)
- 29b. Cerpen itu menggambarkan dua sahabat yang ketawa **terkekeh-kekeh**. *Dewan Sastera*, Januari 2017

Jadual 3 memperincikan tiga bentuk utama kata ganda yang melibatkan penggunaan imbuhan, iaitu kata ganda tulen berimbuhan, kata ganda semu berimbuhan, dan kata ganda semu berimbuhan jati. Dari aspek **bentuk**, ketiga-tiga jenis ini menunjukkan kehadiran imbuhan awalan,

akhiran, atau apitan yang dilekatkan sama ada pada unsur pertama atau keseluruhan bentuk kata ganda. Walaupun sama-sama memperlihatkan kehadiran imbuhan, perbezaan ketara dapat dilihat pada asal-usul dan fungsi maknanya.

Kata ganda tulen berimbuhan seperti *berkerut-kerut*, *beramai-ramai*, *bunyi-bunyian*, *tali-temali*, *gilang-gemilang*, dan *kemalu-maluan* dibentuk melalui proses pengimbuhan terhadap kata ganda yang mempunyai kata dasar sebenar dan bermakna bebas. Bentuk ini mengekalkan hubungan langsung antara makna kata dasar dan makna gandaan, serta menambah unsur intensiti, kekerapan, atau darjah sesuatu sifat atau perbuatan. Contohnya, *berkerut-kerut* bermakna “sangat berkerut”, *beramai-ramai* bermaksud “dalam kumpulan ramai”, dan *bunyi-bunyian* bermakna “pelbagai bunyi”. Oleh itu, imbuhan dalam bentuk ini berperanan memperkukuh makna gandaan tanpa mengubah asas semantikanya.

Sebaliknya, **kata ganda semu berimbuhan** seperti *mensia-siakan* dan *menghuru-harakan* tidak terbentuk daripada kata dasar yang bermakna bebas. Unsur pertama pada bentuk ini (*sia*, *huru*) tidak berfungsi sebagai kata dasar, sebaliknya merupakan unsur tetap dalam bentuk gandaan yang telah mantap secara leksikal. Dari segi makna, kata ganda semu berimbuhan tidak menunjukkan makna gandaan sebenar, tetapi membawa makna keadaan atau sifat yang diperluas melalui imbuhan kata kerja, contohnya *mensia-siakan* (melakukan sesuatu yang tidak berguna) dan *menghuru-harakan* (menimbulkan kekacauan).

Sementara itu, kata ganda semu berimbuhan jati seperti *seolah-olah*,

terbahak-bahak, dan *terkekeh-kekeh* merupakan bentuk yang telah mantap dalam sistem bahasa dan tidak dapat dikembalikan kepada unsur kata dasar. Bentuk ini menunjukkan perpaduan penuh antara imbuhan dan penggandaan, menjadikannya kata yang berdiri sebagai satu unit makna yang utuh. Dari aspek semantik, bentuk ini membawa makna keadaan atau perbuatan spontan, misalnya *seolah-olah* (menunjukkan perbandingan atau andaian), *terbahak-bahak* (tertawa kuat), dan *terkekeh-kekeh* (tertawa kecil berulang).

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa kata ganda tulen berimbuhan berfungsi menambah makna darjah, jumlah atau intensiti pada kata dasar yang wujud, manakala kata ganda semu berimbuhan dan kata ganda semu berimbuhan jati tidak berpunca daripada kata dasar bebas, sebaliknya merupakan bentuk mantap yang membawa makna sifat, keadaan, atau perbuatan tertentu tanpa unsur jamak atau pengulangan sebenar. Ketiga-tiga bentuk ini membuktikan bahawa proses penggandaan dan pengimbuhan dalam bahasa Melayu saling berinteraksi secara produktif untuk menghasilkan pelbagai bentuk dan lapisan makna.

Kata Ganda Tulen Separa dan Kata Ganda Semu Separa

Kata ganda tulen separa pula mirip dengan kata ganda semu separa. Kata ganda tulen separa boleh melibatkan tiga jenis kata, iaitu kata tunggal, kata majmuk, dan frasa. Dalam penggandaan tulen separa kata tunggal, unsur yang digandakan boleh berupa suku

kata awal atau suku kata akhir kata dasar.

Proses pembentukan kata ganda tulen separa kata tunggal bermula daripada kata dasar. Seterusnya, kata dasar ini diulang sebahagian sahaja, iaitu suku kata awal, dan suku kata awal yang diulang itu diletakkan sebelum kata dasar. Vokal dalam suku kata awal yang digandakan itu kemudiannya mengalami proses pelemahan dan bergeser ke posisi tengah menjadi *e* pepet (sekiranya vokal dalam suku kata awal sememangnya sudah *e* pepet, vokal tersebut tidak berubah). Rumus pembentukannya:

kata dasar -> suku kata pertama kata dasar (e) + kata dasar = kata ganda tulen separa

jari -> ja (*a* -> *e*) + jari = jejari

Untuk penggandaan separa suku kata akhir pula, kata ini terbentuk daripada kata dasar yang sememangnya dalam bentuk kata berimbuhan. Proses pembentukan kata tersebut bermula dari kata dasar, dan kata dasar ini diulang sebahagian sahaja, iaitu dua suku kata akhir atau bahagian akhir kata. Dua suku kata akhir yang diulang itu kemudiannya diletakkan selepas kata dasar. Rumus pembentukannya:

kata dasar -> kata dasar + dua suku kata akhir kata dasar = kata ganda tulen separa

perlahan -> perlahan + lahan = perlahan-lahan

Jadual 4
Kata ganda tulen separa dan kata ganda semu separa

Kata Ganda Tulen Separa				Kata Ganda Semu Separa			
No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna	No.	Kata Dasar	Kata Ganda	Makna
30.	gelung	gegelung	banyak (objek)	34.	paru-paru	peparu	asal/nama
31.	perlahan	perlahan-lahan	sangat (perbuatan)	35.	rama-rama	rerama	asal/nama
32.	tanda baca	tanda-tanda baca	banyak (objek)	36.	kupu-kupu	kekupu	asal/nama
33.	buku latihan	buku-buku latihan	banyak (objek)	37.	labi-labi	lelabi	asal/nama

Kata ganda semu separa pula ialah kata ganda semu yang berasal daripada kata ganda semu penuh yang telah dipendekkan bentuknya dan telah digugurkan tanda sempang di tengah-tengahnya. Unsur yang dipendekkan ialah unsur pertama. Sekali imbas kelihatannya seperti kata ganda separa yang sebenarnya tetapi tiada kata dasar secara tunggal. Rumus pembentukannya:

kata ganda semu – sebahagian kata kata ganda semu = kata ganda semu separa

paru-paru -> paru-paru – pa (a -> e) (unsur pertama) = peparu

rama-rama -> rama-rama – ra (a -> e) (unsur pertama) = rerama

Contoh data yang ditemukan dalam kajian ini adalah seperti Jadual 4.

Contoh penggunaan kata tersebut dalam ayat yang bersumberkan buku dan majalah:

Kata Ganda Tulen Separa

30a. Ular itu membelit dalam beberapa **gegelung**. *Haiwan Melata Tropika* (DBP, 2012)

30b. Artikel itu membincangkan **gegelung** logam dalam seni kraf. *Dewan Budaya*, Februari 2017

31a. Kereta itu bergerak **perlahan-lahan** menyusuri jalan sempit. *Teknologi Automotif* (DBP, 2012)

31b. Puisi tersebut menggambarkan air sungai yang mengalir **perlahan-lahan**. *Dewan Sastera*, November 2016

32a. **Tanda-tanda baca** menentukan intonasi dan kefahaman ayat. *Panduan Menulis* (DBP, 2013)

32b. Majalah ini menekankan penggunaan **tanda-tanda baca** yang betul dalam esei. *Dewan Bahasa*, September 2016

33a. Guru mengedarkan **buku-buku latihan** kepada murid. *Tatacara Pengajaran* (DBP, 2014)

33b. Artikel itu menekankan kepentingan **buku-buku latihan** dalam membina kemahiran menulis. *Dewan Pelajar*, Mei 2017

Kata Ganda Semu Separa

34a. Penyakit **peparu** boleh merebak melalui jangkitan udara. *Kesihatan Umum* (DBP, 2014)

- 34b. Artikel itu membincangkan kajian baharu mengenai barah **peparu**. *Dewan Kosmik*, November 2017
- 35a. **Rerama** sering dijadikan motif dalam seni ukiran Melayu. *Seni Rupa Tradisional* (DBP, 2013)
- 35b. Majalah ini menyiarkan gambar **rerama** yang indah di hutan tropika. *Dewan Budaya*, Mei 2016
- 36a. **Kekupu** berwarna-warni hinggap di bunga orkid. *Fauna Tropika* (DBP, 2012)
- 36b. Artikel ini memperkenalkan spesies **kekupu** yang jarang ditemui. *DewanKosmik*, Februari 2017
- 37a. Haiwan seperti **lelabi** dan kura-kura hidup di dua alam, iaitu di darat dan di air. *Ensiklopedia Fauna Malaysia* (DBP, 2012)
- 37b. Kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan nama haiwan tempatan seperti **lelabi**, pelanduk, dan tenggiling yang semakin jarang dilihat. *Dewan Pelajar*, April 2018

Jadual 4 memperlihatkan dua jenis bentuk penggandaan yang unik dalam bahasa Melayu, iaitu kata ganda separa dan kata ganda semu separa. Kedua-duanya menampilkan proses pengulangan sebahagian unsur kata dasar, tetapi berbeza dari segi asal bentuk, fungsi, dan makna semantik yang dihasilkan. Kata ganda separa ialah bentuk yang dihasilkan melalui penggandaan sebahagian daripada suku kata awal kata dasar, lazimnya suku kata pertama, bagi menandakan makna jamak,

banyak, atau intensiti.

Dalam jadual ini, bentuk seperti *gegelung*, *perlahan-lahan*, *tanda-tanda baca*, dan *buku-buku latihan* menunjukkan pola pengulangan yang masih mengekalkan kata dasar yang wujud dan bermakna bebas. Misalnya, *gegelung* membawa maksud “banyak gelung”, *perlahan-lahan* bermaksud “dengan sangat perlahan”, manakala *tanda-tanda baca* dan *buku-buku latihan* menandakan bilangan yang banyak atau pelbagai. Oleh itu, bentuk ini memperlihatkan ciri produktif dalam proses morfologi bahasa Melayu. Pengulangan sebahagian kata dasar berfungsi menambah makna dari segi kuantiti atau darjah sifat.

Sebaliknya, kata ganda semu separa seperti *peparu*, *rerama*, *kekupu*, dan *lelabi* merupakan bentuk yang tidak lagi dapat dikembalikan kepada kata dasar yang bermakna bebas, walaupun secara fonologi tampak seperti hasil proses penggandaan. Unsur pengulangan suku kata awal pada bentuk ini bukan lagi berfungsi untuk menandakan makna jamak atau intensiti, sebaliknya telah menjadi sebahagian **daripada bentuk kata yang mantap secara leksikal dan idiomatik**.

Dari aspek makna, semua contoh kata ganda semu separa dalam **Jadual 4** (*peparu*, *rerama*, *kekupu*, dan *lelabi*) menunjukkan **makna asal atau nama bagi sesuatu benda hidup**, khususnya haiwan atau organ. Misalnya, *peparu* ialah nama organ pernafasan (paru-paru), manakala *rerama* dan *kekupu* merujuk kepada jenis serangga bersayap (rama-rama dan kupu-kupu).

Dari segi analisis bentuk, kata ganda separa masih bersifat produktif dan

berpotensi membentuk kata baharu dengan mengikuti pola penggandaan separa yang teratur. Sebaliknya, kata ganda semu separa bersifat tertutup dan tidak produktif, kerana bentuknya telah membeku dalam sistem bahasa serta tidak boleh dimanipulasi untuk membentuk kata baharu yang serupa.

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa kata ganda separa membawa fungsi makna kuantiti dan intensiti, manakala kata ganda semu separa membawa makna asal atau nama yang tetap. Kedua-dua bentuk ini membuktikan bahawa unsur pengulangan separa dalam bahasa Melayu bukan sahaja berperanan dalam proses morfologi yang produktif, tetapi juga berfungsi sebagai asas pembentukan kata semu yang stabil dan terserap sepenuhnya dalam sistem leksikal bahasa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa kata ganda dalam bahasa Melayu memperlihatkan dua sistem yang berbeza dari segi bentuk, makna dan fungsi, iaitu kata ganda tulen dan kata ganda semu. Kata ganda tulen menunjukkan proses morfologi yang produktif melalui pengulangan kata dasar bagi menandakan makna kuantiti, kepelbagaian, intensiti dan pengulangan. Sebaliknya, kata ganda semu memperlihatkan bentuk yang menyerupai penggandaan tetapi telah membeku sebagai unsur leksikal yang membawa makna sifat, keadaan, nama atau perbuatan tanpa menunjukkan proses morfologi aktif.

Melalui kerangka Teori Morfologi Prosodik dan Morfologi Leksikal, kajian ini menjelaskan bahawa kata ganda tulen

berfungsi sebagai mekanisme penghasilan bentuk baharu, manakala kata ganda semu mencerminkan unsur leksikal lama yang kekal dalam sistem bahasa. Oleh itu, fenomena penggandaan bukan sahaja menggambarkan keaktifan morfologi bahasa Melayu, tetapi juga menandakan kesinambungan sejarah dan keutuhan identiti leksikalnya.

Implikasi Kajian

Hasil kajian ini memberikan implikasi yang luas merangkumi teori linguistik, analisis semantik dan pragmatik, pendidikan bahasa, serta perancangan dan dokumentasi bahasa. Kajian ini membuktikan bahawa teori morfologi bahasa Melayu oleh sarjana seperti Karim et al. (2015) dan Omar (2015) masih relevan. Data kontemporari menunjukkan perkembangan baharu, khususnya dalam penggunaan kata ganda semu yang bukan sahaja bersifat idiomatik tetapi turut memainkan peranan retorik dalam wacana media. Dapatan ini menegaskan keperluan menafsir semula teori morfologi dengan memasukkan dimensi semantik dan pragmatik, memandangkan kata ganda bukan sekadar bentuk, tetapi berfungsi menyampaikan makna literal, figuratif, dan emosi bergantung pada konteks. Selain itu, dapatan kajian menyokong usaha perancangan dan dokumentasi bahasa, khususnya dalam perkamusan, dengan mencadangkan agar *Kamus Dewan* dan tatabahasa rasmi menambah baik huraian tentang kata ganda semu dari aspek bentuk, fungsi dan makna supaya menjadi rujukan yang lebih komprehensif dan konsisten.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian seterusnya boleh memperluas korpus dengan memasukkan data daripada media sosial dan blog bagi mencerminkan variasi bahasa semasa, terutamanya dalam wacana digital yang semakin dominan. Kajian lanjutan boleh menilai keberkesanan modul pengajaran yang berasaskan korpus kata ganda. Modul ini boleh diuji dalam bilik darjah bagi melihat tahap peningkatan kefahaman pelajar terhadap variasi dan fungsi kata ganda.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah memberikan tajaan sepanjang melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia dan seterusnya melaksanakan kajian ini. Juga, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penyelia.

RUJUKAN

- Ahmad, I. (2000). *Pengendalian kata ganda dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia: Suatu kajian perbandingan* [Tesis sarjana, Universiti Malaya].
- Alamsyah, A. (2015). Fenomena kata ganda semu dan leksikalisasi makna dalam bahasa Indonesia. *Jurnal Linguistik Indonesia*, 12(2), 45–62.
- Alwi, H. (2003). *Tata bahasa baku bahasa Indonesia* (Edisi ketiga). Balai Pustaka.
- Badudu, J. S. (1984). *Membina bahasa Indonesia baku* (Siri 2). Pustaka Prima.
- Hassan, A. (1994). *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hassan, S. (2012). Kata ganda semu dalam dialek Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 77–95.
- Hwa, L. C. (2023). *Klasifikasi tipologi kata ganda semu dalam bahasa Melayu moden*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kasdan, J., Haroon, H. A., Che Pa, N. S., & Idrus, Z. (2017). Gandaan separa dalam terminologi bahasa Melayu: Analisis sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(1), 183–202.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1972). *Sistem ejaan Rumi baru bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S., Muhammad Onn, F., Musa, H., & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lai Foon, L., & Raja Ariffin, R. M. (2021). *Petunjuk bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masfufah, R. (2020). Kata ganda semu dalam media sosial: Kajian linguistik kontemporer. *Jurnal Kajian Linguistik Kontemporer*, 8(1), 101–118.
- Omar, A. H. (2011). *Teori dan kaedah nahu: Sejarah pertumbuhan aliran pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. H. (2015). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, A. (1981). *Tatabahasa bahasa Malaysia*. Sarjana Enterprise.
- Yin, T. S. (2025). *Kata ganda semu dalam fonologi generatif Melayu* [Disertasi doktor falsafah, Universiti Malaya].
- Yusof, H. (2024). *Analisis multidimensi kata ganda semu dalam bahasa Melayu: Morfologi, fonologi dan semantik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Za'ba (1941). *Pelita bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.